



**DASAR KENAIKAN PANGKAT  
BAGI STAF PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Disediakan oleh :  
Bahagian Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftaran

## **1.0 TUJUAN**

Dasar kenaikan pangkat ini bertujuan bagi melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara hakiki kepada staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan pelaksana di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2015 yang bersidang pada 7 Julai 2015 telah memperakukan cadangan penambahbaikan Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.2 Dasar Kenaikan Pangkat Bukan Akademik sedia ada telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 7/2009 yang bersidang pada 10 Jun 2009.

2.3 Beberapa perubahan dasar berlaku merujuk kepada pemakaian pekeliling dan peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

2.4 Selari dengan perubahan ini, Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kenaikan Pangkat) dan Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Sokongan (Kenaikan Pangkat) telah bersetuju agar Dasar kenaikan pangkat sedia ada ditambahbaik.

## **3.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT**

### **3.1 Kriteria Asas**

- (i) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) Mendapat Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) untuk 3 tahun terkini sekurang-kurangnya 85% purata untuk kumpulan

pengurusan dan profesional, dan 80% untuk kumpulan pelaksana. Asas pertimbangan ialah dengan mengambil kira purata markah bagi 3 tahun terkini dengan wajaran 45:35:20.

- contoh : permohonan bagi tahun 2015,
  - Tahun 1 (2014) = wajaran 45%
  - Tahun 2 (2013) = wajaran 35%
  - Tahun 3 (2012) = wajaran 20%

- (iii) Bebas daripada hukuman tatatertib;
- (iv) Telah mengisytiharkan harta;
- (v) Melepassi Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (vi) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (vii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

### 3.2 **Kriteria Kecemerlangan**

Aspek kecemerlangan perlu dilampirkan dengan bukti / sokongan / pengesahan merujuk kepada :

- (a) Inovasi iaitu idea baru atau penambahbaikan dalam bidang tugas yang memberi impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan masa.
- (b) Program Sangkutan di bawah Pelaksanaan Program Pengurusan Bakat atau mengikut peraturan yang ditetapkan di bawah Dasar Latihan Staf UTHM.
- (c) Penglibatan dalam pusingan kerja iaitu telah melalui sebahagian daripada bidang tugas skim masing-masing. Penetapan pusingan kerja disebabkan oleh keperluan Universiti atau tempoh yang mencukupi di PTJ terdahulu, bukannya kerana tindakan tatatertib,

kecuaian atau berhadapan dengan masalah prestasi dalam organisasi.

- (d) Sumbangan dalam jawatankuasa kerja dan aktiviti di luar tugas rasmi seperti sukan, kebudayaan, persatuan atau kemasyarakatan yang disertai oleh staf. Penglibatan sebagai peserta atau memegang jawatan diperingkat Universiti, Kebangsaan dan Antarabangsa.
- (e) Penulis kertas kerja, Pembentang kertas kerja, Penceramah atau Pemudah Cara akan diambil kira bagi tempoh sepanjang perkhidmatan melalui mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar/ kolokium/ persidangan.

### 3.3 Kriteria Khusus

Aspek khusus perlu dilampirkan dengan bukti / sokongan/ pengesahan merujuk kepada :

- (a) Penjanaan pendapatan atau penjimatan perbelanjaan Universiti melalui idea/ aktiviti yang dipersetujui dan digunakan oleh pengurusan Universiti.
  - Contoh: membawa masuk geran penyelidikan, penjanaan melalui sewaan ruang dan lain-lain berkaitan.
- (b) Penganjuran atau penglibatan dalam program.
  - Contoh: penganjuran majlis kebudayaan, acara sukan dan majlis lain yang diiktiraf.
- (c) Penglibatan dalam kumpulan penyelidikan atau pengurusan peralatan penyelidikan.
  - Contoh: penglibatan dalam aktiviti kaji selidik di makmal dalam projek penyelidikan.

- (d) Penyeliaan, pengurusan projek atau pembangunan sistem.
  - Contoh: sistem yang telah dibangunkan memberi impak kepada peningkatan imej Universiti dan menjadi perintis kepada agensi atau IPT lain.

### 3.4 **Kriteria-Kriteria Lain**

- (a) Kehadiran harian.  
Mempunyai rekod 'BAIK' sepanjang 12 bulan terakhir.
- (b) Anugerah dan pengiktirafan yang diterima peringkat Universiti, Kebangsaan dan Negara.
  - Contoh : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Sukan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Inovasi dan sebagainya.
- (c)
  - i) Kelayakan akademik tambahan / kelayakan profesional
    - diperolehi di gred semasa.
    - dikira sekali sahaja iaitu bagi permohonan di gred semasa.
  - ii) Kemahiran bahasa lain
    - memperolehi sijil / pengiktirafan dalam bahasa lain selain daripada bahasa ibunda.
    - Setiap bahasa tambahan dikira sekali sahaja sepanjang perkhidmatan.
- (d) Kekananan dalam perkhidmatan.

### 3.5 Temuduga

Proses temuduga hanya bagi pertimbangan kenaikan pangkat dari gred 52 ke 54.

<b>TEMUDUGA (25 Markah)</b>		
1.	Sikap dan Sahsiah	5
2.	Ilmu Pengetahuan Kepada Jawatan	5
3.	Pengetahuan Am	5
4.	Kebolehan Menyelesaikan Masalah	5
5.	Kecerdasan dan Komunikasi	5

## 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Dasar Kenaikan Pangkat bagi Staf Pentadbiran ini adalah berdasarkan kepada skim perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia atau mana-mana skim yang sedang berkuatkuasa.
- 4.2 Staf telah memenuhi semua syarat kenaikan pangkat yang telah ditetapkan dalam sesuatu Skim Perkhidmatan masing-masing terlebih dahulu.
- 4.3 Kekosongan jawatan kenaikan pangkat berdasarkan kepada waran perjawatan yang diluluskan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 4.4 Dasar ini terpakai kepada semua staf pentadbiran dan tempoh perkhidmatan diambilkira daripada gred semasa dalam lantikan tetap.
- 4.5 Pertimbangan dan perakuan kenaikan pangkat dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (gred 41

sehingga 54) dan Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Sokongan (gred 1 sehingga 40).

- 4.6 Staf akan dipelawa untuk mengisi permohonan dan penilaian sekiranya dikenalpasti telah memenuhi syarat asas untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat atau berdasarkan pengiklanan.
- 4.7 Rumusan taburan markah penilaian bagi proses kenaikan pangkat seperti berikut:

Kriteria	Julat markah		
	Kump Sokongan	Kump P&P	
		41 ke 44/ 44 ke 48/ 48 ke 52	52 ke 54
Asas	30	30	10
Kecemerlangan	40	40	35
Khusus	20	20	20
Kriteria-Kriteria Lain	10	10	10
Temuduga	-	-	25
Jumlah Markah	100	100	100
Markah <b>minimum 80%</b> layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.			

- 4.8 Pemilihan staf yang berjaya adalah berdasarkan jumlah markah keseluruhan atau telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih. Perakuan akan dibawa ke Jawatankuasa Eksekutif UTHM untuk mendapatkan kelulusan. Sekiranya dua atau lebih staf mempunyai jumlah markah yang sama, faktor kekananan diambilkira bagi menentukan staf yang lebih layak.

- 4.9 Jawatankuasa Pemilih boleh memberi pertimbangan khas bagi mempelawa / memperakukan mana-mana staf yang berkecualan dan tidak bersetuju untuk dipertimbangkan, demi kepentingan perkhidmatan atau apa-apa sebab lain yang difikirkan sesuai, bermanfaat dan munasabah kepada pihak Universiti.